



MAJLIS AMANAH RAKYAT [MARa]
Agensi di bawah
Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah



GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE
Institut Pengajian di bawah MARA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang berpengalaman, berkeelayakan dan didaftarkan dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

NO SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG MOF	TEMPOH PENJUALAN DAN PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEUNIT	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
GMI 002/2026	PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DI KAMPUS GMI	221003	27 OGOS 2026 (BERMULA 11 PAGI) HINGGA 10 SEPTEMBER 2026 (SEBELUM 11 PAGI) TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK TARIKH: 27 OGOS 2026 MASA: 10 PAGI LOKASI: AUDITORIUM, BANGUNAN PENTADBIRAN, GMI	RM5.00	10 SEPT 2026 (SEBELUM 12.00 TENGAH HARI)

**** SYARIKAT BERMINAT DIWAJIBKAN MENGHADIRI TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK SEBUT HARGA**

**** SILA BAWA BERSAMA SATU (1) SALINAN SIJIL-SIJIL SYARIKAT YANG MASIH SAH TEMPORNYA DAN COP SYARIKAT SEMASA MENGHADIRI SESI TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK SEBUT HARGA**

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC-TAX COMPLIANCE CERTIFICATE) BERSTATUS PATUH

Satu salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan GMI semasa mengambil dokumen. GMI berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GMI tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **atas talian ke akaun 8002777436 (CIMB)** atas nama "GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE". Wang ini tidak akan dikembalikan. Sila bawa bukti bayaran semasa mengambil dokumen sebut harga. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada **waktu pejabat (9.00 pagi–12.30 tengah hari), (2.30 petang–4.30 petang)** Hari Isnin-Jumaat seperti alamat di bawah. **Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh penjualan sebut harga.**

**SEKSYEN PEROLEHAN
ARAS 1, BANGUNAN PENTADBIRAN
GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE
JALAN ILMIAH, TAMAN UNIVERSITI
43000 KAJANG, SELANGOR.**

5. **Semua kos berkaitan dengan tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**

6. GMI tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. GMI berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Dokumen yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Sebut harga** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga** seperti alamat di bawah **pada tarikh tutup sebut harga sebelum, jam 12.00 tengah hari :**

**KETUA SEKSYEN PEROLEHAN
SEKSYEN PEROLEHAN
ARAS 1, BANGUNAN PENTADBIRAN
GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE
JALAN ILMIAH, TAMAN UNIVERSITI
43000 KAJANG, SELANGOR.**

8. Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan, pada tarikh tutup sebut harga dan selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.